Kempen Ganjaran Kad GX - Soalan Lazim

Tarikh berkuat kuasa: 27 Oktober 2026

Soalan	Jawapan
Apakah kempen ini?	**Kempen Ganjaran Kad GX** ("**Kempen**") dianjurkan oleh GX Bank Berhad dan akan berlangsung dari **26 Ogos 2025** hingga **31 Disember 2026** (termasuk kedua-dua tarikh) atau seperti yang ditentukan oleh GXBank dengan notis terlebih dahulu ("**Tempoh Kempen**").
Adakah saya layak untuk menyertai kempen ini?	Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu GXBank ("**Pelanggan yang Layak**" atau "**anda**") yang mempunyai akaun simpanan dengan GXBank ("**Akaun GX**") dan kad debit GX ("**Kad GX**"). Individu berikut tidak layak menyertai Kempen: (a) pelanggan yang Akaun GX atau Kad GX telah ditamatkan, ditutup, digantung, dianggap tertunggak atau sebaliknya tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh GXBank semasa Tempoh Kempen; (b) individu yang tidak sihat dari segi mental, meninggal dunia, diisytihar muflis atau mempunyai sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan/berterusan terhadap mereka; dan/atau (c) individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
Apakah Ganjaran?	**1% pulangan tunai atas pembelian runcit di luar negara menggunakan Kad GX fizikal** dalam Tempoh Kempen.
Bagaimanakah saya boleh mengambil bahagian untuk memperoleh Ganjaran ini?	Senang sahaja! Lakukan pembelian runcit di luar negara menggunakan Kad GX fizikal anda dan anda akan menerima 1% pulangan tunai atas Perbelanjaan Luar Negara yang Layak. Perbelanjaan Luar Negara yang Layak menggunakan Kad GX tidak termasuk transaksi-transaksi ("**Transaksi yang dikecualikan**") yang disenaraikan dalam Klausa 3.2 dalam Terma dan Syarat Kempen Ganjaran Kad GX dan tiada Ganjaran Kempen akan diberikan untuk transaksi tersebut.
Bilakah dan bagaimana saya akan menerima Ganjaran ini?	Jumlah pulangan tunai akan dikira dan dibundarkan ke bawah kepada dua (2) mata perpuluhan. Ia mestilah sekurang-kurangnya RM0.01 untuk dikreditkan ke Akaun GX Pelanggan Layak. Pulangan tunai akan dikreditkan ke Akaun GX Pelanggan yang Layak sebaik sahaja Perbelanjaan Luar Negara yang Layak dibenarkan atau diselesaikan (iaitu apabila status "Memproses" atau "Berjaya") ("**Pulangan Tunai yang Layak**). Dalam kes luar biasa, pengkreditan pulangan tunai mungkin mengambil masa sehingga dua (2) minggu dari tarikh transaksi Perbelanjaan Luar Negara yang Layak. Jika Perbelanjaan Luar Negara yang Layak dibatalkan, sebarang pulangan tunai yang dikreditkan akan diterbalikkan/didebitkan daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak.
Di manakah saya boleh mendapatkan terma dan syarat kempen?	Anda boleh mendapatkan terma dan syarat penuh di sini: https://www.gxbank.my/campaign-tnc
Siapakah yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai soalan lanjut tentang kempen ini?	Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan kempen ini, sila hubungi Sokongan Pelanggan GXBank melalui sembang dalam Aplikasi GX. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di +603 7498 3188 atau menghantar e-mel kepada kami di ask@gxbank.my.